

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JSA 241 - Masyarakat Tani

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab **EMPAT** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.
3. Jawab Soalan 1 di BAHAGIAN A (WAJIB), pilih **SATU** soalan daripada BAHAGIAN B, **SATU** soalan daripada BAHAGIAN C dan soalan keempat boleh dipilih daripada BAHAGIAN B atau BAHAGIAN C.

... 2/-

BAHAGIAN A

1. Beriuraian ringkas 3 (tiga) konsep berikut:
 - (a) Ekonomi Moral (moral economy).
 - (b) Hubungan penaung-pelindung (patron-client relation).
 - (c) Tradisi Agung (great tradition).
 - (d) Kumpulan pinggir (marginal group).
 - (e) "Folk".

(100 markah)

BAHAGIAN B

2. Jelaskan isu-isu teoritis di dalam kajian masyarakat tani yang ada implikasinya ke atas perkembangan teori sosial.

(100 markah)

3. Jelaskan ciri-ciri utama masyarakat tani menurut:

- (a) Redfield
- (b) E. Wolf dan
- (c) T. Shanin.

(100 markah)

4. Kenapakah penelitian tentang struktur (budaya, ekonomi dan politik) masyarakat tani perlu di dalam merancangkan pembangunan ekonomi luar bandar di Malaysia.

(100 markah)

... 3/-

BAHAGIAN C

5. Bincangkan secara kritis perbezaan di antara sistem ekonomi tani dengan ekonomi moden-komersial.

(100 markah)

6. Huraikan sama ada hubungan penaung-pelindung (patron-client) di dalam masyarakat tani eksplotatif atau fungsional. Anda perlu berikan contoh-contoh yang sesuai daripada kajian-kajian yang telah dijalankan di Malaysia.

(100 markah)

7. Senaraikan dan bincangkan persamaan dan perbezaan di antara masyarakat tani (sebagai satu konsep umum) dengan masyarakat luar bandar di Malaysia dan berikan penilaian ciri-ciri tani yang masih wujud.

(100 markah)

8. Benarkah masyarakat tani mundur dari segi ekonomi kerana sikap konservatisme dan budaya mereka?

(100 markah)

ooooOooo

